ISSN 2180-3684 • Bil 1/14
KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

JANUARI 2014



Cabaran Menjadi Pengguna Bijak

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Nurul Husna Mohd Yusof

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan 1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan 1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاي (ملیسیا) سندیرين برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Cabaran Menjadi Pengguna Bijak

Senario dunia masa ini semakin sukar dan amat mencabar. Masalah kenaikan harga barang dan jenayah semakin berleluasa merupakan sebahagian daripada cabaran yang sedang dihadapi kini. Krisis ekonomi sememangnya akan memberikan impak kepada pengguna di Malaysia.

Pengguna perlu memahami senario dunia yang baharu ini. Dalam konteks ini, sikap suka menyalahkan orang lain dan suka mengadu bukanlah cara yang efektif. Kaedah yang lebih sesuai ialah anda perlulah bertanggungjawab dan belajar untuk menyesuaikan diri kepada perubahan-perubahan ini.



"Sebagai pengguna yang berhemat, minda kita perlu fokus kepada tugasan seharian dalam pengurusan kewangan dan penggunaan."

Sebagai pengguna yang berhemat, minda anda perlu fokus kepada tugasan seharian dalam pengurusan kewangan dan penggunaan. Tugasan ini amat penting kerana ia akan menjauhkan anda daripada pembaziran yang keterlaluan dan kemusnahan alam sekitar serta bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan dan amalan penggunaan lestari.

Penggunaan berhemat adalah mengenai sikap lebih berwaspada kepada kepercayaan dan perwatakan yang mempengaruh corak perbelanjaan dan penggunaan. Sebagai pengguna bijak, adakah anda membeli berdasarkan keperluan sebenar? Atau:

- Ingin menunjuk-nunjuk
- Bersaing dengan jiran untuk menunjukkan bahawa "anda juga mampu"
- Mengikut imej dalam iklan yang menunjukkan bahawa "anda juga boleh menjadi segala-galanya"
- Menggunakan sesuatu produk kerana anda selalu menggunakannya.
- Menggunakan barangan yang mahal kerana di katakan berkualiti tinggi.

Penggunaan berhemat sebenarnya mencabar kepercayaan dan tabiat yang suka membazir dan melakukan kerosakan kepada alam sekitar. Langkah pertama untuk menjadi pengguna berhemat ialah berpegang teguh kepada prinsip-prinsip berikut:-

- Pengguna berhemat sedar tentang pendapatan dan perbelanjaannya.
- Pengguna berhemat dapat membezakan antara keperluan dan kehendaknya.
- Pengguna berhemat memberi perhatian kepada keperluan sekarang dan masa hadapan.
- Pengguna berhemat berbelanja mengikut keperluannya sahaja.
- Pengguna berhemat terbuka kepada idea ke arah penggunaan lestari.
- Pengguna berhemat menghormati semua kehidupan dan proses alam semula jadi.
- Pengguna berhemat mencari identiti sendiri bukannya berdasarkan kepada apa yang dimilikinya.

Tanggung Hutang Selepas Kahwin?



Setiap bakal pengantin pasti mengharapkan majlis perkahwinan yang meriah, sempurna dan gah sehingga sesetengahnya terpaksa membuat pinjaman peribadi untuk memastikan semuanya berjalan lancar.

Jika 10 tahun dahulu, jumlah wang hantaran antara RM5,000 hingga RM8,000, tetapi nilai tersebut kian meningkat sehingga mencecah RM20,000 kerana faktor pendidikan atau kedudukan seseorang wanita itu.

Wang hantaran di Malaysia

(mengikut taraf pendidikan pasangan)

- UPSR, PMR: RM1,000 – RM3,000
- SPM: RM3,000 – RM8,000
- STPM/Diploma: RM8,000 – RM12,000
- Ijazah: RM12,000 – RM 15,000
- Sarjana: RM15,000 – RM20,000
- PHD: RM20,000 – RM30,000

Jumlah itu tidak termasuk kos majlis kenduri, barang sebagai dulang hantaran dan banyak lagi. Ternyata, untuk merealisasikan impian berkahwin bukanlah perkara mudah, di samping masalah peribadi lain yang muncul ketika persediaan dibuat. Perkiraan kasar kos bagi mengadakan majlis perkahwinan sekarang, memerlukan lebih kurang RM20,000, tidak termasuk duit hantaran.

Seandainya mengambil kira jumlah simpanan terkini di dalam akaun, berapa ramai yang mampu menyediakan puluhan ribu ringgit untuk majlis perkahwinan mereka. Maka, bagi pasangan yang bakal berkahwin, terutama lelaki, mereka perlu bersedia dari sudut kewangan sebelum membuat keputusan untuk menamatkan zaman solo.

Jangan penting status

Hutang memberi bebanan kepada seseorang sehingga menyebabkan mereka tidak bahagia dan ramai hidup tersepit dengan hutang kerana terlalu ikut nafsu.

Perunding Kewangan, Suzardi Maulan berkata, kesilapan masyarakat sekarang ialah mereka terlalu ingin menjaga status sehingga sanggup mengetepikan soal kemampuan yang dimiliki.

Hidupkan budaya baru

Suzardi berkata, perkara itu bukanlah satu perkara baru, jadi perkara ini boleh diatasi jika ada keinginan.

Katanya, bakal pengantin boleh membuat dua pilihan, sama ada ingin meneruskan majlis perkahwinan mengikut amalan masyarakat hari ini, lazimnya keterlaluan atau membentuk budaya baru mengikut kemampuan.

"Sekiranya poket kita 'dalam', maka tiada masalah untuk buat majlis mengikut kemahuan kita atau berbelanja besar. Apa yang membimbangkan, jika kadar pelaburan untuk kos majlis melebihi kemampuan atau simpanan yang ada hingga berhutang. Lebih membimbangkan lagi, perbelanjaan majlis perkahwinan terlalu tinggi juga mengakibatkan ramai terpaksa bergolok gadai dan berhutang sekeliling pinggang," jelasnya ketika dihubungi baru-baru ini.

Jadi hamba bank

Tambah Suzardi, apabila kos perkahwinan hari ini mencecah RM50,000, majoriti bakal pengantin terpaksa berhutang dengan bank selama 10 hingga 15 tahun.

Katanya, dengan kadar pembiayaan peribadi sekitar lima peratus setahun, setiap hutang RM50,000 menyebabkan ramai penghutang kehilangan aliran tunai sebanyak RM600 sebulan selama 120 bulan, seterusnya membayar balik kepada bank sehingga RM72,000.

"Memang tidak dapat dinafikan, perkahwinan dan membuat kenduri adalah sunnah. Namun Nabi s.a.w. tidaklah mengajar kita untuk membuat sesuatu di luar kemampuan sehingga membebankan kita. Baginda s.a.w. menyarankan, kenduri kahwin ini dibuat walaupun hanya sekadar seekor kambing. Jadi, sebelum berbelanja atau membuat pinjaman, fikirlah perkara penting dan jangka masa hadapan," jelasnya.

Sepakat antara pasangan

Katanya, selain beberapa faktor menjadi keutamaan, struktur kewangan juga menjadi punca kepada banyak kes perceraian. Justeru, Suzardi menasihatkan, jejaka yang ingin melamar pasangan perlulah menilai beberapa perkara. Kata sepakat antara wanita serta keluarga amat penting sebelum menetapkan majlis.

"Pasangan perlu sepakat berbincang antara satu sama lain, termasuk keluarga sebelum memutuskan jumlah perbelanjaan diperlukan untuk majlis. Jika wanita atau keluarga terlalu meminta, sebagai lelaki anda perlu berwaspada. Ini bagi mengelak anda mengalami bebanan hutang selepas berkahwin sehingga muncul sikap mengungkit dan akhirnya membawa kepada perpisahan yang tidak diduga."

Tujuh tahun pertama

Suzardi berkata, pasangan perlu bijak mengatur perancangan masa hadapan apatah lagi menyusun strategi kewangan dengan bijak, mereka dapat hidup selesa kelak.

"Tujuh tahun pertama perkahwinan memerlukan banyak pengorbanan jika anda ingin selesa di kemudian hari. Sebagai contoh, sebagai isteri, anda mungkin bertahan duduk di rumah sewa kos rendah dan juga kereta yang biasa untuk mendapatkan simpanan.

"Andainya, jumlah isi rumah adalah RM5,000 dan anda berdua berjaya menyimpan sekurang-kurangnya 10 peratus hingga 50 peratus daripada gaji setiap bulan ke akaun Tabung Haji atau Amanah Simpanan Nasional Berhad, dalam tempoh tujuh tahun akaun pasangan mencecah lebih RM60,000," jelasnya lagi.

Ubah budaya kahwin di Malaysia

- Apabila anak muda yang mahu berkahwin dapat mengelakkan daripada membuat pembiayaan peribadi sebesar RM50,000, anda bakal mempunyai aliran tunai sehingga RM600 sebulan.
- Jika anda mampu membayar kepada bank RM600 sebulan, sebenarnya anda juga mampu menyimpan sebanyak itu setiap bulan.
- Justeru, dengan aliran tunai sebanyak itu, bakal pengantin mempunyai dua pilihan mudah:

1) Menyimpan RM600 sebulan selama tujuh tahun. Hasilnya dianggarkan seperti berikut:
   - Tabung Haji (5%): RM 61,553.58
   - ASB (8%): RM69,383.72

2) Memulakan pelaburan hartanah sendiri. Suami beli satu. Isteri beli satu. (Sila pastikan anda memahami konsep pelaburan hartanah)
   - Selepas tujuh tahun berkahwin, rumah itu dapat terus disewakan atau dijual dengan keuntungan.
   - Seterusnya, mereka dapat bergabung membeli rumah lebih besar dan lebih sesuai untuk membentuk 'Rumahku Syurgaku'.

Petikan artikel daripada Berita Harian, 4 Oktober 2013
Sumber : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Apa yang perlu dilakukan selepas berlakunya kemalangan jalan raya

Hubungi:
ACCIDENT ASSIST
1-300-22-1188



1. **Bertenang**
2. **Utamakan keselamatan:** Jika boleh, alih kenderaan anda ke bahu atau tepi jalan, luar daripada laluan trafik. Matikan enjin dan nyalakan lampu kecemasan atau letakkan segi tiga kecemasan atau suar jalan sebagai amaran kepada pengguna jalan raya yang lain.
3. **Kumpulkan maklumat:** Catat seberapa banyak maklumat mengenai:
   - butiran peribadi pemandu yang terlibat dalam kemalangan jalan raya berkenaan - nama, nombor kad pengenalan, alamat, nombor lesen memandu dan nombor telefon (jika boleh)
   - nama penanggung insurans/takaful kenderaan lain yang terlibat
   - buatan/ model dan nombor pendaftaran kenderaan lain yang terlibat dalam kemalangan jalan raya itu
   - nombor pendaftaran trak tunda (jika ada)

   Lakarkan secara ringkas situasi kemalangan. Ambil gambar dan catat tahap kerosakan pada kenderaan/ harta benda yang terlibat (jika boleh). Ini akan membantu anda apabila membuat laporan polis kelak dan / atau sekiranya anda ingin menghantar Borang Pemberitahuan Kemalangan*.
4. **Hubungi *Accident Assist* di talian 1-300-22-1188.** *Accident Assist* adalah inisiatif terbaru daripada industri insurans dan takaful kepada orang ramai yang memerlukan khidmat bantuan jalan raya dengan segera sekiranya berlaku kemalangan. *Accident Assist* akan bertanya kepada anda beberapa soalan mudah mengenai kemalangan tersebut.Panggilan anda akan disambungkan kepada syarikat insurans/takaful anda sendiri atau anda akan dimaklumkan bengkel kenderaan terdekat yang boleh dihubungi untuk mendapatkan butiran perkhidmatan trak tunda atau membaiki kenderaan anda.
   Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi terus syarikat insurans /takaful anda untuk bantuan.
5. **Buat laporan polis:** Anda perlu, dari segi undang-undang, membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam selepas kenderaan anda terlibat dalam kemalangan jalan raya (atau dicuri).
6. **Buat tuntutan insurans / takaful:** Kami menggalakkan anda mengisi Borang Pemberitahuan Kemalangan* dan menghantarnya sama ada kepada syarikat insurans/ takaful anda dan/atau kepada Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) atau Persatuan Takaful Malaysia (MTA) dalam masa 7 hari dari tarikh kemalangan. PIAM dan MTA boleh dihubungi di :

Persatuan Insurans Am Malaysia
Tingkat 3, Wisma PIAM
150, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur
No Tel. : 03-22747395
No Faks. : 03-22745910
Emel : piam_sec@piam.org.my

Persatuan Takaful Malaysia
Tingkat 21, Menara Takaful Malaysia
4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
No Tel. : 03-20318160
No Faks. : 03-20318170
Emel: mtasecretariat@malaysiantakaful.com.my

** Borang Pemberitahuan Kemalangan boleh diperoleh daripada www.insuranceinfo.com.my, www.piam.org.my atau www.malaysiantakaful.com.my*

Apa yang boleh anda tuntut:

Jenis pampasan yang boleh dituntut		Jika anda pemilik kenderaan dan mempunyai:			Jika anda pejalan kaki/ pemilik harta (selain kenderaan) yang terlibat dalam kemalangan
		Polisi Komprehensif	Polisi Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian	Polisi Pihak Ketiga	
Kerosakan harta benda	Kecurian kenderaan anda	Buat **tuntutan Kecurian** terhadap penanggung insurans/ takaful anda sendiri	Buat **tuntutan Kecurian** terhadap penanggung insurans/takaful anda sendiri	Tidak layak buat tuntutan	Tidak berkenaan
	Kerosakan ke atas kenderaan/ harta benda anda akibat kemalangan jalan raya	Jika kemalangan disebabkan orang lain: Buat **tuntutan Kerosakan Harta Benda Pihak Ketiga (TPPD)** terhadap penanggung insurans/ takaful pihak orang lain itu; atau Jika anda menyebabkan kemalangan: Buat **tuntutan Kerosakan Sendiri (OD)** terhadap penanggung insurans/ takaful anda sendiri	Buat **tuntutan Kerosakan Harta Benda Pihak Ketiga (TPPD)** terhadap penanggung insurans/ takaful pihak yang satu lagi	Buat **tuntutan Kerosakan Harta Benda Pihak Ketiga (TPPD)** terhadap penanggung insurans/ takaful pihak yang satu lagi	Buat **tuntutan Kerosakan Harta Benda Pihak Ketiga (TPPD)** terhadap penanggung insurans/ takaful pihak yang satu lagi
	Pampasan untuk Masa Pembaikan yang Ditaksirkan (CART) bagi kenderaan (Pampasan hanya diberikan kepada pemandu yang bukan menyebabkan kemalangan)	Buat **tuntutan hilang kegunaan** terhadap penanggung insurans / takaful pihak yang satu lagi			Tidak layak buat tuntutan
Kecederaan/ Kematian (senarai tidak terhad)	Kesakitan, penderitaan dan ehilangan upaya akibat kecederaan yang ialami	Buat **tuntutan Kecederaan atau Kematian Pihak Ketiga (TPBID)** terhadap penanggung insurans / takaful pihak yang satu lagi			
	Perbelanjaan perubatan/ kos rawatan				
	Kehilangan pendapatan/ Kehilangan pendapatan di masa hadapan/ keupayaan menjana pendapatan Kehilangan tempat bergantung				
	Perbelanjaan pengebumian				
	Kesedihan kehilangan seseorang				

Soalan Lazim mengenai Pemindahan Dana melalui sistem GIRO Antara Bank atau IBG (Interbank GIRO)

Bank Negara Malaysia telah mengumumkan strategi penentuan harga yang baharu bagi perkhidmatan pembayaran untuk menangani perbezaan harga antara kaedah pembayaran secara elektronik (e-pembayaran seperti perkhidmatan IBG) dengan kaedah pembayaran berasaskan kertas seperti cek. Di bawah penentuan harga yang baharu ini, fi untuk kaedah e-pembayaran akan dikurangkan bagi memberikan insentif kepada para peniaga dan pengguna untuk menggunakan kaedah pembayaran yang lebih cekap, manakala caj akan dikenakan ke atas cek sebagai mencerminkan kosnya yang lebih tinggi.

Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia (ABM) serta bank-bank ahli dan Bank Negara Malaysia telah menjalankan promosi kempen IBG ke seluruh Malaysia. Tujuan kempen tersebut adalah untuk meningkat kesedaran pengguna mengenai perkhidmatan perbankan dalam talian atau *online banking*, dengan tumpuan khusus kepada IBG.

Berikut adalah soalan lazim tentang IBG

1. Apakah bank yang menawarkan perkhidmatan IBG?

Pada masa ini terdapat 29 bank yang mengambil bahagian.

2. Bagaimana tansaksi IBG dilaksanakan?

Untuk pelanggan individu, terdapat tiga pilihan bergantung kepada bank yang berkenaan:

- Pilihan 1 – perbankan Internet dan perbankan mudah alih
- Pilihan 2 – di kaunter cawangan bank.
- Pilihan 3 – di Mesin Juru Wang Automatik (ATM), yang terhad untuk perkhidmatan tertentu sahaja.

Untuk pelanggan korporat: Pemindahan wang boleh dibuat melalui perbankan internet atau pemindahan fail yang telah dipersetujui seperti CD atau disket atau sebarang kaedah elektronik yang diterima oleh bank berkenaan.

3. Adakah terdapat jumlah maksimum yang boleh dipindahkan melalui IBG oleh individu?

Di kaunter atau bergantung kepada bank, jumlah maksimum bagi setiap pemindahan ialah RM500,000, berdasarkan kepada jumlah dana yang terdapat dalam akaun pelanggan.

Melalui perbankan Internet - jumlah maksimum adalah RM10,000. Bagi pelanggan korporat, sila semak dengan bank anda kerana terdapat bank yang tidak menetapkan had bagi setiap pemindahan selagi pelanggan mempunyai dana yang diperlukan dalam akaun syarikat.

4. Bagaimana seseorang ingin menyelaraskan bayaran yang dibuat dan diterima melalui IBG?

Penerima boleh mendapat maklumat, seperti rujukan penerima, nama penghantar dan butiran pembayaran yang lain, bermula pada 1 April 2014 oleh kebanyakan bank. Maklumat ini akan dipaparkan dalam penyata akaun bank dan dalam talian sekiranya pengirim memasukkan maklumat ketika melakukan transaksi.

5. Adakah transaksi melalui internet dan IBG selamat?

Bank-bank telah melaburkan sejumlah wang yang besar dalam sistem IT bagi memastikan keselamatan dalam membuat transaksi dan akan melakukannya secara berterusan.

6. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan pengguna bertukar kepada e-pembayaran?

Untuk menggalakkan pengguna beralih kepada pembayaran secara elektronik, Bank Negara Malaysia telah mengenakan fi yang kos efektif bagi transaksi melalui e-pembayaran. Bagi yang membuat pembayaran melalui cek, mereka akan dikenakan yuran tambahan.

7. Apakah bayaran yang dikenakan untuk transaksi IBG berbanding cek?

- Berkuat kuasa pada 2 Mei 2013, yuran transaksi IBG yang dilakukan secara dalam talian, sama ada, perbankan internet atau perbankan mudah alih,dikenakan maksimum sebanyak 10 sen. Untuk pelanggan korporat, bank-bank dibenarkan untuk mengenakan bayaran tambahan untuk perkhidmatan tambahan seperti yang dipersetujui.
- Berkuat kuasa pada 1 April 2014, semua pengeluar cek dikenakan bayaran pemprosesan cek baharu sebanyak 50 sen bagi setiap transaksi. Yuran ini sebagai tambahan kepada 15 sen duti setem yang dikenakan bagi setiap keping cek.

8. Untuk transaksi perbankan internet dan IBG, bilakah wang tersebut dimasukkan ke dalam akaun penerima?

Berikut adalah waktu pemindahan dan kesediaan dana bagi pemindahan wang:-

	Waktu Pemindahan	Kesediaan Dana
Isnin - Jumaat	Pemindahan sebelum 12:30 tengah hari	Hari yang sama
	Pemindahan selepas 12:30 tengah hari	Hari bekerja seterusnya
Sabtu, Ahad & Cuti Umum bagi Wilayah Persekutuan	(tidak berkenaan)	Hari bekerja seterusnya

Bermula September 2013, kebanyakan bank-bank akan memastikan sekurang-kurangnya dua (2) kitaran akan dikreditkan dalam masa 2 jam. Menjelang Februari 2014, 4 kitaran akan diperkenal dan masa kitaran akan dikreditkan dalam tempoh 2 jam.

9. Bolehkan saya memindahkan wang kepada mana-mana jenis akaun di bank yang berlainan?

Anda boleh melakukan pemindahan ke akaun milik anda sendiri atau akaun pihak ketiga di bank yang menyertai. Pemindahan wang IBG boleh dilakukan untuk akaun simpanan, akaun semasa, kad kredit dan akaun pinjaman.

10. Bolehkah saya menggunakan IBG untuk bayaran kad kredit dan pinjaman saya?

Boleh, melalui perbankan internet di kebanyakan bank.



11. Adakah IBG beroperasi selama 24 jam sehari?

Perkhidmatan IBG melalui perbankan internet atau perbankan mudah alih beroperasi 7 hari seminggu dari pukul 6.00 pagi hingga 12.00 malam (tengah malam). Walau bagaimanapun, proses pemindahan IBG hanya akan dilakukan pada hari bekerja. Sila rujuk soalan 8.

12. Adakah saya mempunyai pilihan lain sekiranya saya ingin memindahkan wang yang lebih daripada RM10,000?

Sekiranya anda mempunyai wang lebih daripada RM10,000, anda perlu melakukan pemindahan pada hari berikutnya atau merujuk kepada bank masing-masing.

13. Adakah saya perlu membayar yuran perkhidmatan setiap kali saya membuat pemindahan wang?

Ya, anda dikenakan bayaran yuran perkhidmatan sebanyak 10 sen setiap kali anda membuat pemindahan wang melalui perbankan internet atau perbankan mudah alih.

14. Bagaimana saya boleh memaklumkan penerima bahawa saya telah memindahkan wang ke dalam akaun?

Pemberitahuan akan dihantar kepada penerima jika:-

- bank menyediakan ruang untuk mengisi maklumat, seperti alamat e-mel; dan
- pembayar meletakkan alamat e-mel yang betul di ruang yang berkenaan.

Sumber : Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia (ABM)

Gores dan Menang



Walaupun isu gores dan menang sudah lama dilaporkan dalam media, namun isu ini masih lagi berlaku. Pengguna masih ditipu dengan pelbagai tawaran hadiah secara percuma. Syarikat yang menawarkan hadiah melalui gores dan menang ini sering kelihatan di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai, terutama sekali di pasar raya besar. Pengguna perlu memahami dan berwaspada kerana aktiviti ini lazimnya merupakan suatu penipuan yang mungkin menyebabkan kehilangan wang kepada pengguna.

Peraduan seumpama ini tidak semestinya dilakukan oleh syarikat yang sah dan berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ini boleh menyebabkan pengguna mengalami kesukaran dalam membuat tuntutan terhadap syarikat tersebut kerana mereka tidak berdaftar. Maka tiada maklumat yang lengkap dapat diperoleh berkenaan dengan syarikat yang melakukan kesalahan untuk diambil tindakan. Oleh itu, usaha pengguna untuk melakukan tuntutan, sama ada melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia atau Mahkamah Tuntutan Kecil menjadi terbatas.

Gores dan menang dikategorikan sebagai salah satu aktiviti perniagaan yang berunsurkan penipuan kerana lazimnya pengguna dikatakan telah memenangi hadiah yang ditawarkan setelah menyertai peraduan. Selepas berjaya meyakinkan pengguna tentang kelebihan dan ciri-ciri hadiah yang dimenangi, pengguna akan diminta untuk menjelaskan sejumlah bayaran terlebih dahulu sebelum mendapatkan hadiah tersebut. Alasan yang selalu diberikan kepada pengguna adalah pembayaran tersebut berfungsi sebagai caj pengurusan.

Apabila pengguna telah membuat bayaran pengurusan, mereka akan dipujuk untuk membuat bayaran tambahan supaya dapat memenangi lebih banyak hadiah yang menarik. Wakil syarikat akan terus-menerus memujuk pengguna sehingga mereka bersetuju untuk menambah bayaran bagi mendapatkan hadiah yang lain. Bayaran biasanya dibuat dalam berbentuk tunai atau secara kredit. Penipuan tersebut hanya akan mula disedari oleh pengguna apabila mereka mendapati hadiah yang dimenangi mengalami kerosakan setelah beberapa kali digunakan atau tidak seperti yang digambarkan oleh syarikat tersebut.

Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) sering menerima aduan berkenaan dengan peraduan gores dan menang daripada pengguna. NCCC menasihatkan pengguna agar lebih berhati-hati dengan syarikat yang menawarkan peraduan dan hadiah seperti ini supaya tidak tertipu dengan tawaran yang diberikan. Ini kerana, agak sukar untuk membuat tuntutan jika syarikat tersebut tidak beroperasi secara sah. Namun, jika terbukti syarikat tersebut berdaftar di bawah SSM, pengguna boleh memfailkan tuntutan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna jika hadiah yang diberikan tidak boleh digunakan dan berunsur penipuan. Namun begitu, pengguna perlu memastikan bahawa mereka ada membuat pembayaran terlebih dahulu dan tidak benar-benar menerima hadiah tersebut secara percuma.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) di talian 03-7877 9000 atau myAduan@nccc.org.my

Laporan kredit terlalu bersih



Salam sejahtera, saya berumur 32 tahun, masih bujang dan memperoleh pendapatan bersih RM2,500 sebulan. Masalah saya ialah, baru-baru ini saya ingin memohon pinjaman kad kredit. Saya telah mengemukakan permohonan di tiga buah institusi perbankan. Malangnya permohonan saya telah ditolak disebabkan laporan kredit saya terlalu bersih. Pihak bank pula tidak memberikan penerangan lanjut. Untuk makluman tuan, saya tidak mempunyai mana-mana pinjaman daripada institusi perbankan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak tuan berhubung perkara ini. Mohon penjelasan.

Pengguna yang kecewa.

Jawapan:

Pengguna boleh memohon kad kredit daripada institusi-institusi yang mengeluarkan kad kredit asalkan anda berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan minimum RM24,000 setahun. Walau bagaimanapun, keputusan sesuatu institusi perbankan dalam memperuntukkan kemudahan pinjaman adalah satu keputusan komersial yang tertakluk kepada penilaian dan budi bicara institusi perbankan terbabit. Setiap institusi perbankan mempunyai kredit polisi masing-masing dalam pemberian sesuatu pinjaman kepada pelanggan mereka. Keputusan institusi perbankan akan berdasarkan kepada penilaiannya terhadap kepercayaan kredit *(creditworthiness)* pelanggan mereka dan pendedahan risiko *(risk exposure)* dalam pemberian kemudahan berkenaan. Secara lazimnya, institusi perbankan akan mempertimbangkan faktor-faktor, antara lain, seperti berikut:

(i) Kedudukan kewangan pemohon;

(ii) Keupayaan pemohon membayar balik pinjaman;

(iii) Karektor serta integriti pemohon; dan

(iv) Sejarah penyelenggaraan akaun-akaun pinjaman sedia ada

Anda mungkin ingin mendapat maklumat mengenai sebab penolakan permohonan tuan daripada institusi perbankan berkenaan. Selain itu, anda boleh terus cuba permohonan anda di institusi perbankan lain di Malaysia. Untuk senarai institusi perbankan di Malaysia, anda boleh merujuk laman Bank Negara Malaysia di www.bnm.gov.my.

Untuk pertanyaan dan penjelasan lanjut, sila hubungi Bank Negara Malaysia di talian 1-300-88-5465 atau e-mel bnmtelelink@bnm.gov.my

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada **ringgit@crrc.org.my**
atau menulis kepada

Ruangan Masalah Kewangan Anda,
Ringgit,
No 4, Jalan SS 1/22A, Kampung Tunku
47300 Petaling Jaya, Selangor

Pelaburan?


1
2
3
?
4
?
5
Apa yang awak buat ni?
6
Lagi 500 tahun,nilai benda ni akan jadi berjuta!



SELAMAT TINGGAL CEK

HELO 10 SEN IBG

Mulai 1 April 2014, setiap cek akan dikenakan yuran pemprosesan sebanyak 50 sen. Lebih menjimatkan apabila anda menggunakan Pindahan Wang Interbank GIRO (IBG) dengan caj maksimum sebanyak 10 sen bagi setiap transaksi melalui internet atau perbankan mudah alih.

Anda juga boleh melakukan Pindahan Wang IBG melalui kiosk internet di cawangan bank atau di terminal layan diri dan mesin-mesin ATM yang terpilih.

Pindahan Wang 10 Sen IBG.
Pantas, **Berpatutan**, Mudah

Layari www.abm.org.my untuk maklumat lanjut.

ڤاڤتم
Association of Islamic Banking Institutions Malaysia

PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : **1-300-88-5465**
E-mel : **bnmtelelink@bnm.gov.my**
Laman sesawang : **www.bnm.gov.my**

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : **1-300-88-9980**
E-mel : **banks@abm.org.my**
Laman sesawang : **www.abm.org.my**

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : **1-800-88-2575**
E-mel : **enquiry@akpk.org.my**
Laman sesawang : **www.akpk.org.my**

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : **03-2272 2811**
E-mel : **enquiry@fmb.org.my**
Laman sesawang : **www.fmb.org.my**

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crrc.org.my